فرتوبوهن كبڠساءن ملايو برساتو

**PERTUBUHAN KEBANGSAAN MELAYU BERSATU**

**(UNITED MALAYS NATIONAL ORGANISATION) UMNO**

No. Pendaftaran 676/88 (Wilayah Persekutuan)

SETIAUSAHA AGUNG

# KENYATAAN MEDIA

Mesyuarat Biro Politik Majlis Tertinggi UMNO yang dihadiri oleh Pengerusi Badan Perhubungan UMNO Negeri-negeri dan Ahli Jawatankuasa Pengurusan UMNO yang dipengerusikan oleh Presiden UMNO pada 13 Oktober 2020 di Pusat Dagangan Dunia Putra ( PWTC ), Kuala Lumpur memutuskan bahawa :-

1. UMNO membuat pertimbangan untuk menarik diri dari menyokong Perikatan Nasional dan akan memberi syarat baharu kepada Kerajaan Perikatan Nasional bagi meneruskan kerjasama politik, secara perjanjian bertulis untuk dilaksanakan secepat mungkin.

2. UMNO akan mencadangkan kepada Jawatankuasa Pemandu Muafakat Nasional ( MN ) agar Muafakat Nasional didaftar dengan segera sebagai sebuah gabungan politik yang sah.

3. UMNO akan terus berjuang demi kepentingan rakyat untuk memastikan pandemik Covid-19 dapat ditangani oleh kerajaan dan pihak yang berkaitan dengan berkesan demi kesejahteraan rakyat dan negara.

4. UMNO berpandangan bahawa kestabilan politik sangat penting dan pertumbuhan ekonomi mesti ditingkatkan. Sebarang keputusan yang UMNO lakukan adalah untuk manfaat rakyat, agama, bangsa dan negara.

5. Tarikh-tarikh mengenai Mesyuarat Perwakilan UMNO Bahagian dan Perhimpunan Agung UMNO adalah seperti di lampiran.

**DATUK SERI HAJI AHMAD BIN MASLAN**
**SETIAUSAHA AGUNG UMNO**
**13 OKTOBER 2020**

*Rakyat Didahulukan*
*People First*

46322/A/0001/UK/En

**BERSATU - BERSETIA - BERKHIDMAT**

**LAMPIRAN**

## TARIKH MESYUARAT PERWAKILAN UMNO BAHAGIAN

BAHAGIAN, WANITA, PERGERAKAN PEMUDA DAN PUTERI : 6 - 8 NOVEMBER 2020 (JUMAAT - AHAD)

*DIADAKAN SERENTAK DI SELURUH NEGARA, DIRASMIKAN OLEH KETUA UMNO BAHAGIAN MASING-MASING

*KEHADIRAN ADALAH SECUKUP KORUM IAITU SATU PEREMPAT (¼) DARIPADA JUMLAH WAKIL-WAKIL ATAU AHLI YANG BERHAK HADIR

*SEMUA MESYUARAT PERWAKILAN WANITA UMNO, PERGERAKAN PEMUDA DAN PUTERI UMNO BAHAGIAN HENDAKLAH DIADAKAN SEBELUM MESYUARAT PERWAKILAN UMNO BAHAGIAN MASING-MASING

## TARIKH PERHIMPUNAN AGUNG UMNO MALAYSIA

PERASMIAN PERHIMPUNAN WANITA, PEMUDA DAN PUTERI : 17 DISEMBER 2020 (KHAMIS, MALAM)

PERHIMPUNAN AGUNG WANITA, PEMUDA DAN PUTERI : 18 DISEMBER 2020 (JUMAAT)

PERASMIAN PERHIMPUNAN AGUNG UMNO : 18 DISEMBER 2020 (JUMAAT, MALAM)

PERHIMPUNAN AGUNG UMNO : 19 DISEMBER 2020 (SABTU)

(SIDANG DEWAN RAKYAT : 2 NOVEMBER HINGGA 15 DISEMBER 2020)